

**UNTUK SIARAN SEGERA**

**PNB Merdeka Ventures Lancar Program Geran Komuniti Bagi  
Memacu Pembangunan Presint Merdeka 118**

*Program tumpu cadangan komuniti sukan, seni dan warisan, serta perniagaan setempat*

**KUALA LUMPUR, 28 JUN 2021** – PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad (PMVSB), anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB) telah melancarkan Program Geran Komuniti, bagi mewujudkan kejiranan yang bersepadu, berkembang maju dan kaya dengan nilai-nilai seni dan budaya dalam presint Merdeka 118 di Pusat Bandar Lama Kuala Lumpur.

Program Geran Komuniti Merdeka 118 bertujuan memperkasa komuniti setempat dan membangunkan perniagaan, institusi dan organisasi masyarakat yang berdaya tahan. Ia menyasarkan lima lokasi utama iaitu kawasan sekitar Petaling Street, Jalan Hang Tuah, Kuadran Sukan<sup>1</sup>, Kampung Attap dan kawasan sekitar Pudu.

Program ini bertujuan untuk memupuk idea inovatif dalam bidang sukan, seni, budaya, warisan, dan perniagaan setempat. Ini termasuklah inisiatif seperti bengkel pembangunan kapasiti, program komuniti, latihan vokasional, acara dan pertandingan, serta lain-lain projek yang mampu mewujudkan impak positif kepada masyarakat.

Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Ahmad Zulqarnain Onn menyatakan bahawa Program Geran Komuniti Merdeka 118 diwujudkan untuk memupuk sinergi antara komuniti dan pembangunan bercampur Merdeka 118, yang merangkumi tempat kerja, tempat tinggal dan ruang awam.

“Presint Merdeka 118 berada di sebuah lokasi ikonik yang kaya dengan budaya dan sejarah yang penting. Seiring dengan visi kami untuk menjadi destinasi mercu tanda di Pusat Bandar Lama Kuala Lumpur, penting bagi kami untuk memastikan pembangunan presint Merdeka 118 diharmonikan dengan komuniti secara meluas,” kata beliau.

Ahmad Zulqarnain juga menekankan bahawa pandangan penyewa, penduduk dan pelawat dipertimbangkan dengan teliti, bukan sahaja untuk menghargai kepentingan sejarah di kawasan tersebut, tetapi juga untuk menyokong aspirasi masa hadapan mereka.

“Sebagai tetangga baharu dalam sebuah kejiranan yang sedia ada, kami mengutamakan dan menghormati keinginan komuniti setempat, dan pada masa yang sama, menyumbang kepada pembangunannya secara positif. Kami berharap geran ini akan membuka potensi masyarakat dan kita dapat sama-sama mewujudkan presint yang berjaya dan harmoni. Harapan kami semua agar perniagaan, institusi dan komuniti setempat dapat berkembang maju bersama Merdeka 118.”

<sup>1</sup> Kuadran Sukan merangkumi Stadium Merdeka, Stadium Negara, Stadium Persatuan Bola Keranjang Malaysia (MABA), Stadium Chin Woo, Majlis Olimpik Malaysia dan Muzium Sukan.

Hamdan Abdul Majeed, Pengarah Urusan Think City, sebuah organisasi penjaan semula bandar, menyatakan bahawa Program Geran Komuniti Merdeka 118 merupakan satu bentuk rangsangan yang sangat diperlukan di Pusat Bandar Lama Kuala Lumpur, khusus untuk pelbagai komuniti dan keajiranan di sekitar presint Merdeka 118.

“Pusat Bandar Lama Kuala Lumpur, merupakan ibu kota bersejarah yang mempunyai banyak potensi yang belum diterokai. Banyak kawasanya telah dikosongkan oleh pentadbiran pusat manakala penduduknya pula telah berpindah keluar ke pinggir bandar dalam *Greater Kuala Lumpur*. Walaupun dilanda pandemik, kami menyaksikan suntikan nafas baharu di kawasan ini dengan usaha pemilik perniagaan kecil yang unik menarik minat orang ramai, sekali gus menunjukkan bahawa kawasan ini masih mempunyai kekuatan dan tarikannya yang tersendiri.”

“Dengan adanya Merdeka 118 untuk menghidupkan lagi kawasan ini, program geran yang disediakan ini akan memastikan komuniti sekitar tidak ketinggalan. Geran ini akan mewujudkan peluang secara kolektif untuk membina sebuah presint yang aktif, di mana perniagaan tradisional boleh bersinergi dengan perniagaan baharu, dan warisan yang sedia ada bersepadu seiring pembangunan baharu. Ini akan mewujudkan keajiranan yang kaya dengan tarikan budaya dan kualiti yang boleh menarik orang ramai bukan sahaja untuk melawat, tetapi juga membina kehidupan mereka di sini.”

“Sebagai rakan kerjasama untuk Program Geran Komuniti Merdeka 118, kami sangat berbesar hati untuk menyatakan bahawa geran ini akan menjadi inisiatif penting ke arah transformasi Pusat Bandar Lama Kuala Lumpur sebagai sebuah kawasan kebudayaan dan kreativiti. Kawasan ini juga merupakan tumpuan utama Think City pada tahun 2021 dan pada tahun-tahun yang akan datang. Mengambil contoh dari kawasan mapan lain di seluruh dunia seperti Bankside Design District di London, UK, Bairro Alto di Lisbon, dan West Kowloon Cultural District di Hong Kong, Pusat Bandar Lama Kuala Lumpur bakal menjadi pemangkin untuk pembangunan kreatif, pembaharuan budaya dan inovasi bandar, selain meningkatkan ekonomi yang seterusnya akan memberi manfaat kepada orang ramai di Kuala Lumpur,” kata Hamdan.

Permohonan untuk Program Geran Merdeka 118 dibuka mulai 28 Jun sehingga 20 Ogos 2021. Pemohon boleh menghantar borang permohonan untuk tiga jenis geran iaitu Sukan, Seni dan Komuniti Perniagaan. Semua permohonan projek hendaklah mematuhi objektif program sebagaimana yang ditetapkan dalam panduan dan kriteria yang ditetapkan, dengan penilaian jangka pendek, sederhana dan panjang yang akan dijalankan. Pemohon digalakkan untuk membuat pelaburan bersama dalam idea projek yang dicadangkan. Permohonan akan dinilai oleh Panel Penilai yang terdiri daripada wakil PMVSB dan Think City serta Panel Penasihat Teknikal dalam kalangan pakar dari bidang Sukan, Seni, Komuniti, Teknologi, Pemuliharaan & Warisan, dan juga pembangunan Perniagaan.

Untuk maklumat lanjut mengenai program ini dan cara menghantar permohonan, sila layari <https://www.merdeka118.com/grants2021/>.

**-TAMAT-**

### **Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan-pelaburan strategik di syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

### **Mengenai PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad (PMVSB)**

PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad telah diperbadankan pada bulan Jun 2000 serta merupakan pemilik tanah dan penjaga tunggal kedua-dua Stadium Merdeka dan Stadium Negara. Kedua-dua stadium tersebut telah disenaraikan sebagai tapak "Warisan Kebangsaan" pada Oktober 2005 di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005. Semenjak itu, PNB Merdeka Ventures telah menjalankan plan pemuliharaan yang teliti sehingga Stadium Merdeka meraih Anugerah Kecemerlangan UNESCO untuk Program Pemuliharaan Warisan Kebudayaan (Asia Pasifik) pada 2008. Untuk maklumat lanjut, layari [www.merdeka118.com](http://www.merdeka118.com).

### **Mengenai Think City**

Think City adalah organisasi impak yang didedikasikan untuk menjadikan bandar lebih sesuai didiami, berdaya tahan dan lestari. Kami adalah perunding, rakan penyampaian projek, institut dan pembangun usaha, yang menyediakan pemikiran, pengurusan dan pelaksanaan penyelesaian bandar di Malaysia dan seterusnya. Mengambil pendekatan berasaskan kepentingan komuniti, dan berasaskan bukti, Think City fokus kepada empat bidang utama: Placemaking (Pewujudan Tempat), Resilience (Ketahanan), Analytics (Analisis) dan Conservation (Pemuliharaan). Ditubuhkan pada tahun 2009 untuk menerajui pertumbuhan semula bandar di George Town, kami kini telah memperluaskan langkah kami di seluruh negara, melaksanakan projek yang meningkatkan persekitaran, ekonomi, budaya, seni dan warisan, dan ketahanan bandar. Maklumat lanjut boleh diperoleh di [www.thinkcity.com.my](http://www.thinkcity.com.my).

### **Untuk Pertanyaan Media**

#### **acorn communications sdn bhd bagi pihak PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad:**

Natalia Ghani; e-mel: [natalia@acornco.com.my](mailto:natalia@acornco.com.my) | 012-231 4782

Yasmin Kadir, e-mel: [yasmin@acornco.com.my](mailto:yasmin@acornco.com.my) | 017-237 9048

#### **Think City Sdn Bhd:**

Nisshanthan Dhanapalan, Eksekutif Kanan, Jenama & Komunikasi; e-mel:

[nisshanthan.dhana@thinkcity.com.my](mailto:nisshanthan.dhana@thinkcity.com.my) /

Maya Tan, Ketua, Jenama & Komunikasi; e-mel: [maya.tan@thinkcity.com.my](mailto:maya.tan@thinkcity.com.my)